



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/07/24\_40 (HQ)

### PERSIDANGAN PERALIHAN TENAGA 2023 MENAMPILKAN BARISAN PAKAR SEBAGAI PANEL

- Penceramah akan berkongsi pendapat, perspektif dan pandangan berharga dalam mengharungi landskap industri tenaga yang sentiasa berubah
- Peserta berpeluang untuk berinteraksi dengan rakan-rakan strategik industri untuk mendalami komitmen Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG)

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** akan membariskan pakar-pakar terkenal dalam pelbagai bidang berhubung dengan industri tenaga dan kelestarian untuk berkongsi idea dan pandangan, ramalan dan perspektif pada Persidangan Peralihan Tenaga (ET) pada 28-29 Ogos, 2023.

“Persidangan ini bakal menjadi wadah yang merangsang fikiran dalam kalangan para peserta kerana kami membariskan para penceramah ternama yang akan bercakap mengenai topik-topik penting dalam peralihan tenaga, dan berkongsi pandangan-pandangan berharga dalam mengharungi landskap industri tenaga yang sentiasa berubah,” kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato’ Indera Ir. Baharin Din.

“Para penceramah berkenaan termasuk Ketua Pegawai Ekonomi dan Pengarah Urusan Kanan, Institut Ekonomi Tenaga Jepun (IEEJ), Dr Ken Koyama; Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Tenaga (ST), Dato’ Ir. Ts. Abdul Razib Dawood; Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Octopus Energy Group, Greg Jackson; dan Ketua Pengarah Agensi Tenaga Diperbaharui Antarabangsa (IRENA), Francesco La Camera.

“Bersama-sama dengan kehadiran penceramah lain seperti Naib Presiden Bank Pembangunan Asia, Ashok Lavasa; Naib Presiden Kanan Lux Research, Dr Arij van Berkel; Pengarah Prinsipal Hijjas Kasturi Associates Sdn Bhd, Serina Hijjas; dan Pengasas dan Pengerusi Kumpulan Sunway, Tan Sri Dr Jeffrey Cheah AO, para peserta bakal mendapat manfaat besar daripada perkongsian ilmu dan kerancangan perbincangan pada persidangan berkenaan,” kata Baharin.

Kedua-dua Dr Koyama dan Ashok akan menyertai panel pemimpin-pemimpin industri termasuk Ketua Pegawai Tenaga Baharu TNB, Zarihi Hashim, dan Ketua Kelestarian Maybank, Shahril Azuar Jimin untuk membincangkan “The Price of Going Green” – iaitu bagaimana peralihan tenaga dapat dibiayai dengan cara bertanggungjawab dan lestari.

“Begitu juga, Abdul Razib akan menyertai dialog bertemakan “Forward-thinking Policies & Regulations that Shape the Energy Transition” yang mana beliau akan memaparkan kepentingan dasar dan peraturan dalam memacu pembangunan tenaga lestari,” kata Baharin.

Francesco La Camera pula akan bercakap mengenai "Closing the RE Loop: Bridging the Net Zero Transition through Circular Economy Strategies" – dengan berkongsi pandangan bagaimana misi Peralihan Tenaga boleh dicapai dengan efisien dan lestari.

Peserta juga boleh memanfaatkan pengalaman Greg dalam menerajui satu daripada penyedia bekalan elektrik di Britain dan pemikirannya bagaimana teknologi dan data boleh digunakan secara inovatif untuk industri dan para pelanggan, dalam memperkasakan agenda peralihan tenaga.

Turut menarik apabila Jeffrey Cheah dijadualkan berkongsi mengenai pembangunan lestari melalui bisnes dan nilai keprihatinan.

Serina pula mendalami "Smart Green Cities of the Future from the Eyes of an Architect" dan perspektif unik mengenai pembangunan perbandaran mampan manakala Dr Arij akan menekankan peranan teknologi dalam "Empowering the Energy Transition" dan memacu perubahan dalam sistem tenaga lestari.

“Ringkasnya, persidangan ini akan memperincikan strategi merangkumi polisi-polisi transformasi, peraturan dan insentif kewangan dalam memacu agenda Peralihan Tenaga. Para peserta boleh memanfaatkan platform ini untuk berhubung dengan rakan-rakan teknologi strategik masing-masing dalam menangani komitmen Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus,” tambah Baharin.

Bakal diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, Persidangan Peralihan Tenaga (ET) akan menghimpunkan pemimpin-pemimpin, pakar-pakar, pemain-pemain industri, penggubal dasar dan pemimpin komuniti untuk penghuraian mengenai cabaran dalam Peralihan Tenaga.

Persidangan ini adalah platform perdana Malaysia dalam menghasilkan ilham-ilham penyelesaian dan menggalakkan kolaborasi merentas sektor-sektor ekonomi dalam menangani Peralihan Tenaga. Ia akan juga memaparkan penyelesaian lestari teknologi melalui satu pameran dan sesi menyediakan peluang-peluang padanan bisnes.

Untuk maklumat lanjut mengenai persidangan ini, termasuk pendaftaran dan atur cara penuh, sila layari <https://the-etconference.com/>

TNB, penganjur Persidangan Peralihan Tenaga komited dalam memacu agenda Peralihan Tenaga negara melalui aspirasi pelepasan karbon sifar bersih selaras dengan sasaran Malaysia mencapai negara neutral karbon menjelang 2050. Dalam usaha untuk melaksanakan pelan peralihan tenaga yang bertanggungjawab, TNB meneruskan pelaburan besar dalam memperkasa Grid; melipatgandakan usaha penyahankarbon bagi meningkatkan nilai keupayaan sayap penjanaan tenaganya, TNB Genco; meluaskan pasaran Tenaga Boleh Baru (RE); dan membangunkan ekosistem Kenderaan Elektrik (EV).

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 24 Julai 2023, jam 1:00 tengah hari**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /*



*Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606 atau*

*emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB,  
Dato' Indera Ir. Baharin Din

Penceramah industri terkemuka di Persidangan Peralihan Tenaga 2023 termasuk:

|   |   |
|---|---|
|    | <p>Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Tenaga (ST),<br/>Dato' Ir. Ts. Abdul Razib Dawood</p>                    |
|   | <p>Ketua Pegawai Ekonomi dan Pengarah Urusan Kanan,<br/>Institut Ekonomi Tenaga Jepun (IEEJ), Dr Ken Koyama</p> |
|  | <p>Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Octopus Energy<br/>Group,<br/>Greg Jackson</p>                          |
|  | <p>Pengasas dan Pengerusi Kumpulan Sunway,<br/>Tan Sri Dr Jeffrey Cheah AO</p>                                  |